

Tidak jadi cerai lepas kaunseling

24 Nov 2014

BeritaHarian

PASANGAN suami isteri Encik Ali dan Cik Zainab (nama samaran) menghadiri sesi kaunseling di Mahkamah Syariah setelah si suami memfail perceraian.

Semasa kaunseling, Encik Ali berkata Cik Zainab mencabar kelakiannya dan mengaku telah mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain.

Encik Ali juga berkata isterinya kadang kala berkelakuan pelik, misalnya menjadi marah dan agresif tiba-tiba tetapi setelah itu menyesali kelakuannya.

Berdasarkan sesi pertama kaunseling pasangan itu, kaunselor perkahwinan mendapat tahu bahawa Cik Zainab sebenarnya kurang bersetuju bercerai kerana dua perkahwinan beliau berakhir dengan perceraian.

Kaunselor itu juga mengesyaki bahawa Cik Zainab mengalami kemurungan dan merujuknya kepada poliklinik bagi dirawat, setelah mendapatkan persetujuan daripada Cik Zainab.

Encik Ali, seorang Penduduk Tetap (PR), pula meminta mendapatkan nasihat seorang ustaz berkenaan isu agama kerana beliau percaya budaya dan amalan di negaranya berbeza daripada amalan isterinya, seorang warga Singapura.

Ustaz itu memberi nasihat kepada mereka mengenai perbezaan budaya dan amalan yang member tekanan terhadap perkahwinan mereka.

Setelah tamat sesi kaunseling, mereka diberi masa dan sebulan setelah itu pasangan berkenaan berkata mereka tidak jadi bercerai.

Encik Ali dan Cik Zainab antara pasangan yang tidak jadi bercerai setelah menghadiri Program Kaunseling Perkahwinan (MCP) di Mahkamah Syariah.

Lebih 24,000 permohonan cerai telah dirujuk kepada kaunseling dari 2004 hingga 2013. Daripada jumlah ini, lebih 40 peratus tidak meneruskan hasrat itu.

Mahkamah Syariah telah berganding bahu dengan 15 agensi masyarakat di serata Singapura bagi menawarkan khidmat program kaunseling kepada pasangan.

Ini termasuk di Pusat Sokongan Keluarga As-Salaam, Angkatan Karyawan Islam (AMP) dan Pusat Kaunseling Jamiyah.

Program kaunseling serupa, yang dinamakan sesi konsultasi sebelum pemfailan cerai, akan diperkenal di Mahkamah Keadilan Keluarga (FJC) bagi kes cerai melibatkan bukan Muslim.